

**RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE 20 MUSIM HAJI 1425H
THE GOLDEN LEGACY HOTEL, MELAKA
10 - 12 MEI 2004**

KERTAS KERJA PERTAMA

**TAJUK : TAYAMMUM DAN WUDU' SOHIBUL JABIRAH SERTA
PERMASALAHANNYA**

- 1 - Menurut pendapat Muqabil al-Azhar dalam Mazhab Syafi'ie, pendapat al-Hanafiyah dan al-Malikiyah, Sohibul Jabirah hanya perlu membasuh anggota wuduknya yang sihat dan menyapu pada jabirahnya. Adalah digalakkan untuk melakukan i'adah (mengulangi) solat yang dilakukan dengan wuduk sohibul jabirah.

KERTAS KERJA KEDUA

**TAJUK : PERMASALAHAN IBADAT HAJI DAN UMRAH YANG PERLU
DIBINCANGKAN SEMULA**

- 1 - Wangian yang dilarang di dalam ihram ialah sesuatu yang bersifat wangian dan digunakan dengan tujuan untuk berwangi-wangian.
- 2 - Wangian yang dipakai sebelum menggunakan ihram adalah wangian yang disapu pada tubuh badan. Ia tidak menjadi larangan walaupun baunya kekal sehingga berada di dalam ihram.
- 3 - Sandal yang ada ikatan di sebelah belakang harus (boleh) digunakan ketika di dalam ihram.
- 4 - Solat jama' tanpa qasar di Arafah dan Muzdalifah adalah sunnah Rasulullah Saw kerana nusuk.
- 5 - Muhassir adalah sebahagian dari Mina dan sah bermabit di tempat

berkenaan.

- 6 - Menurut Mazhab Syafi'ie tempoh berada di Makkah selepas Tawaf Wada' adalah mengikut uruf, iaitu jemaah dalam tempoh menunggu keberangkatan ke Jeddah/Madinah dan mereka dalam keadaan membuat persediaan untuk keluar dari Makkah. Manakala menurut Mazhab Hanafi tiada tempoh tertentu bagi seseorang untuk berada di Makkah setelah melaksanakan Tawaf Wada'.
- 7 - Guru Agama hendaklah mengelakkan diri daripada menyampaikan sesuatu yang tiada sandaran nas syara' kepada jemaah haji yang dibimbing.

KERTAS KERJA KETIGA

TAJUK : KEMUSYKILAN IBADAT HAJI DARIPADA JEMAAH HAJI MALAYSIA PADA MUSIM HAJI 1424 HIJRAH

1. Seseorang yang masuk ke dalam al-Masjidil Haram disunatkan mengerjakan Tawaf Baitullah sebagai Tahiyatul Bait, namun seseorang itu juga boleh melaksanakan Solat Sunat Tahiyatul Masjid.

KERTAS KERJA KEEMPAT

TAJUK : ADAB MENJELASKAN HUKUM

1. Tugas penjelas hukum adalah satu tugas yang mulia kerana setiap hukum yang dijelaskan menjadi pedoman hidup manusia. Namun mereka yang ingin mengeluarkan hukum perlulah memiliki persediaan ilmu yang mendalam dan keahlian yang cukup untuk berbuat demikian.
2. Untuk menjelaskan hukum seseorang itu hendaklah memiliki ciri-ciri

berikutnya, di antaranya :-

- 2.1 Menguasai hukum syarak secara jelas ataupun mengetahui punca yang boleh didapati hukum berkenaan.
 - 2.2 Mengetahui dan memahami realiti yang ditanya dan dinyatakan oleh penyoal.
 - 2.3 Mengetahui kesan hukum terhadap perkara yang ditanyakan.
- 3 - Untuk menjelaskan hukum, seseorang mestilah memahami kaedah umum menjelaskan hukum, agar hukum yang disampaikan mudah diterima dan difahami oleh mereka yang bertanya. Di antara kaedah tersebut ialah bebas daripada asabiah, bercakap dengan bahasa semasa, menghindari perkara yang tidak bermanfaat, bersikap pertengahan dan hukum tersebut mestilah dijelaskan secukupnya serta ianya memudahkan bukan menyusahkan.
- 4 - Mereka yang ingin menjelaskan hukum mestilah memiliki adab-adab selaku pembimbing, di mana dengan adanya adab-adab ini setiap pembimbing akan tawadhus dengan ilmunya dan apa yang dijelaskan oleh mereka akan lebih mudah difahami.

KERTAS KERJA KELIMA

TAJUK : IBADAT HAJI : HUKUM DAN SYARAT WAJIB HAJI

1. Mengerjakan haji bagi mereka yang berkemampuan boleh dilewatkan, dengan syarat hendaklah ada pada setiap individu muslim keazaman untuk melaksanakan ibadat haji itu pada masa hadapan dan ia berkeyakinan bahawa keselamatan dan kesihatan dirinya terjamin pada masa tersebut.

2. Seseorang yang murtad dan sebelumnya dia telah mengerjakan haji, kemudian dia bertaubat dan kembali ke pangkuan Islam, maka menurut pendapat di dalam Mazhab Syafi'ie tidak wajib ke atasnya lagi mengerjakan ibadat haji, kerana murtad tidak menggugurkan amalan-amalan yang telah dilakukannya ketika di dalam Islam dahulu.
3. Suami tidak wajib membelanjakan wangnya bagi membiayai pemergian isterinya ke Tanah Suci kerana perbelanjaan tersebut tidak termasuk sebagai nafkah yang wajib diberikan kepada seorang isteri, namun bagi suami yang berkemampuan digalakkkan membawa isterinya pergi menunaikan haji.

Diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH-JAKIM) pada 11 Mei 2004, di Hotel Golden Legacy Melaka.

**RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE 21 MUSIM HAJI 1426H
HOTEL GRAND BLUEWAVE, SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
5 – 7 JUN 2005**

KERTAS KERJA PERTAMA

**TAJUK : PANDANGAN MAZHAB DALAM KES BATAL WUDUK :
PENDAPAT PILIHAN BERDASARKAN MASLAHAT JEMAAH HAJI**

- 1 - *Rukhsah* adalah keringanan yang Allah berikan kepada umat Islam dalam melaksanakan perintah-perintah Allah di saat-saat ada *darurah*, *masyaqqah* atau *haajah*.
Azimah pula ialah suatu kemestian melaksanakan perintah atau hukum Allah dalam apa keadaan sekalipun.
- 2 - Memilih pendapat selain Mazhab Syafi'ie atau **menerima pendapat marjuh dalam Mazhab Syafi'ie** di dalam melaksanakan ibadat boleh dianggap sebagai satu keringanan atau *rukhsah*.
- 3 - Dalam isu batal wuduk ketika mengerjakan tawaf, maslahat jemaah haji dapat dijamin, masyaqqah dan haraj mereka seperti kesesakan di tempat tawaf yang boleh menyebabkan berlaku persentuhan lelaki dan perempuan, ianya dapat dihindarkan **dengan beralih dari pendapat Syafi'ie yang masyhur dan berpegang kepada pendapat marjuh dalam Mazhab Syafi'ie**.
- 4 - Jemaah Haji boleh menggunakan pendapat yang mengatakan **tidak batal wuduk jika berlaku persentuhan lelaki dan perempuan tanpa syahwat**, berdasarkan hal-hal berikut :
 - 4.1 Ianya adalah pendapat yang paling sederhana.

4.2 Fuqaha Mazhab Syafi'ie pun ada yang berpendapat sedemikian sebagaimana yang disebut oleh Ibn Suraij dan al-Rafi'ie.

4.3 Pendapat tersebut ialah pendapat yang paling tepat dengan *maqasid syariah* dan menepati ruh syariah.

KERTAS KERJA KEDUA

TAJUK : SYARAT-SYARAT ISTITO'AH (BERKEMAMPUAN) BAGI JEMAAH HAJI WARGA EMAS UNTUK MENUNAIKAN IBADAT HAJI DAN UMRAH

1 - Kewajipan menunaikan ibadat haji tidak akan gugur bagi golongan berikut :

4.1 Terlalu tua

4.2 Penyakit yang tidak ada harapan sembuh

4.3 Penyakit yang teruk

Oleh itu wajib ke atas mereka menggantikan dengan badal haji jika mereka mampu membiayai kos mengerjakan haji semasa hayatnya.

2 - Pengiring warga emas atau orang yang hilang upaya seperti buta atau pun bisu hendaklah diberi penerangan khusus terhadap tanggungjawab besar mereka kepada jemaah yang akan diringi.

3 - Apabila berlaku kematian seseorang yang belum sempat mengerjakan haji semasa hayatnya sedangkan dia sudah mampu mengerjakan haji, maka ahli warisnya berkewajipan menolak jumlah yang mencukupi untuk badal hajinya sebelum harta peninggalan tersebut diagihkan mengikut faraid.

KERTAS KERJA KETIGA

TAJUK : BEBERAPA PERMASALAHAN IBADAT DI MINA DAN MUZDALIFAH SERTA PENYELESAIANNYA

- 1 - Hukum bermabit di Muzdalifah adalah salah satu daripada wajib haji menurut pendapat *al-Asah*, bukannya rukun sebagaimana menurut *al-Subki* dan bukannya sunat sebagaimana pendapat *al-Rafī'iye*.
- 2 - Tempat Muzdalifah bermula dari dua ma'zamai (banjaran) Arafah hingga sampai ke Qarn (tanduk lengkungan) Muhammadiyah. Qarn Muhammadiyah ialah tempat di sebelah kanan dan kiri tempat berkenaan. Tempat belakang, hadapan, lembah dan perbukitan kawasan itu semuanya adalah termasuk Muzdalifah.
- 3 - Berdasarkan proses perluasan Mina di *al Marhalah al-Thalithah*, yang mana sebahagiannya termasuk dalam kawasan Muzdalifah berdasarkan persempadanan yang ditentukan oleh Kerajaan Arab Saudi, maka ia sah bermabit di Muzdalifah pada malam 10 Zulhijjah dan di tempat yang sama sah bermabit di Mina pada malam 11, 12, dan 13 Zulhijjah kerana ia merupakan sambungan khemah di Mina.
- 4 - Mulai Musim Haji 1425 Hijrah, pihak kerajaan Arab Saudi telah membuat pembangunan semula jamarat dan kawasan sekitarnya untuk tujuan keselamatan jemaah haji. Para pengkursus haji disarankan agar menggunakan istilah jamrah seperti berikut supaya tidak timbul kekeliruan di kalangan jemaah haji ketika melaksanakan ibadat melontar jamarat, iaitu :-

4.1 Al-Jamratul Ula ditukar kepada Jamrah al-Sughro

4.2 Al-Jamratul Wustho (kekal) dan

4.3 Jamratul Aqabah ditukar kepada Jamratul Kubro

- 5 - Jemaah haji wajib patuh kepada kebijaksanaan Amirul Haj iaitu Kementerian Haji Arab Saudi di dalam mengatur urusan haji.

KERTAS KERJA KEEMPAT

TAJUK : **HUKUM BERMABIT DI MINA BAGI JEMAAH HAJI YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN TEMPAT DI MINA**

- 1 - Para Ulama Mazhab al-Syafi'iye telah memasukkan mereka yang mempunyai keuzuran, hajat dan menghadapi masalah sebagai termasuk dalam golongan **سقاية العباس** من المعدورين sama seperti **berlaku 'illah yang sama** yang mengakibatkan **سقاية العباس** diberikan rukhsah oleh Nabi saw.
- 2 - Qiyyas yang memasukkan orang yang menghadapi masalah sama seperti **رعاء الابل** و **سقاية العباس** dan yang dilakukan oleh para ulama mazhab al-Syafi'iye menunjukkan bahawa tidak ada had bagi bentuk masalah yang menggugurkan kewajipan bermabit di Mina.
- 3 - Oleh yang demikian jemaah haji yang tidak diperuntukkan khemah untuk bermabit di Mina adalah digugurkan daripada melaksanakan kewajipan berkenaan dan tidak dikenakan apa-apa dam, ibadat haji mereka adalah sah dan tidak berdosa kerana mereka adalah termasuk golongan **المعدورين** **سقاية العباس** sama seperti yang diberikan rukhsah oleh Nabi Muhammad saw untuk tidak bermabit di Mina.

KERTAS KERJA KELIMA

**TAJUK : KEMUSYKILAN IBADAT HAJI DARIPADA JEMAAH HAJI MALAYSIA
MUSIM HAJI 1425H DAN JAWAPANNYA**

- 1 - Seseorang jemaah haji yang terbatal wuduknya ketika mengerjakan tawaf boleh menyambung semula tawafnya di tempat yang terbatal wuduknya, tetapi seelok-eloknya di penjuru al-Hajarul Aswad.
- 2 - Jemaah Haji yang uzur yang tidak dapat melontar dengan sendiri boleh mewakilkan kepada orang lain melontar untuk dirinya, samaada sebelum masa melontar atau masa melontar; sebaik-baiknya ialah wakil setelah masuk masa melontar.

KERTAS KERJA KEENAM

TAJUK : KAIFIAT MENUNAIKAN SOLAT KETIKA MUSAFIR DAN SOLAT JEMAAH

- 1 - Seseorang Jemaah Haji tidak lagi boleh melaksanakan solat secara jama' dan qasar setelah ia sampai samada di Tanah Suci Makkah atau Madinah, sekiranya jumlah hari ia akan tinggal di situ melebihi tempoh yang mengharuskan jama' dan qasar.
- 2 - Jemaah Haji diharuskan menuaikan Solat Maghrib dan Isya' secara Jama' Ta'khir tanpa qasar di Muzdalifah jika mereka bertolak pada waktu Maghrib daripada Arafah.
- 3 - Ketika dalam musafir, seperti dalam penerbangan atau sebagainya sekiranya tidak dibenarkan menggunakan air untuk berwuduk dan menggunakan debu untuk bertayammum demi untuk menjaga keselamatan, seseorang itu tetap wajib mengerjakan solat pada

, فا قد الطهرين , waktunya tanpa bersuci sebagaimana dalam keadaan kerana menghormati waktu.

- 4 - Dalam menunaikan solat secara berjamaah seseorang itu perlulah memahami syarat-syarat sah mengikut imam seperti dalam keadaan berikut :-
- 4.1 Imam dan makmum berada dalam masjid
 - 4.2 Imam dan makmum berada di tempat lapang.
 - 4.3 Imam dan makmum dalam bangunan bukan masjid
 - 4.4 Imam atau makmum dalam masjid dan seorang lagi di luar masjid
- 5 - Pengkursus Haji perlulah menjelaskan kepada bakal haji berhubung penjagaan solat ketika menunaikan Ibadat Haji dan syarat-syarat sah mengikut imam, seperti menunaikan solat berjamaah di Padang Arafah dan di Mina ketika berada di dalam khemah dan sebagainya.

**RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE 22 MUSIM HAJI 1427H
PRIMULA BEACH RESORT, KUALA TERENGGANU
TERENGGANU
05 -07 MEI 2006**

KERTAS KERJA PERTAMA

TAJUK : PERMASALAHAN HAID DAN IBADAT HAJI

1 - WARNA KEKUNINGAN DAN KERUH YANG KELUAR SELEPAS HARI KEBIASAAN HAID

Ashab al-Syafi'ie sepakat mengatakan bahawa darah berwarna kekuningan dan keruh yang keluar pada hari kebiasaan haid dikira sebagai darah haid.

Pendapat sebahagian al-Syafi'ieyyah pula berpendapat warna darah kekuningan dan keruh yang keluar selepas hari kebiasaan haid tidak dikira sebagai haid. Disarankan jemaah haji wanita yang menghadapi masalah seperti tidak dapat melakukan Tawaf Rukun kerana terpaksa pulang ke Malaysia atau bertolak ke Madinah dan tidak ada pilihan maka haruslah berpegang kepada pendapat ini.

2 - PERINGKAT USIA MENOPOUS

Darah yang keluar selepas putus haid bagi wanita yang telah tiada haid selama 6 bulan dan lebih, dalam keadaan biasa dikira haid, ini berdasarkan kepada pandangan al- Syafi'ieyyah.

Jika wanita tersebut menghadapi masalah seperti tidak dapat melakukan Tawaf Rukun kerana terpaksa pulang ke Malaysia atau bertolak ke Madinah dan tidak ada pilihan maka ia dikira sebagai darah Istihadhah, ini bertaqlidkan kepada pandangan al-Hanabilah, al-

Malikiah dan al-Hanafiah.

KERTAS KERJA KEDUA

TAJUK : KEMUSYKILAN IBADAT HAJI MUSIM HAJI 1426H

1 - TAWAF WADA' (SOALAN 2)

PENYERAGAMAN ISTILAH

Penyeragaman menggunakan istilah 'TAWAF WADA' kepada semua Pengkursus Ibadat Haji semasa penyampaikan ceramah.

URUF SELEPAS TAWAF WADA'

Uruf adalah mengikut hari seperti berikut :

1. Hari Jumaat (Bagi bas yang akan bertolak di antara pukul 2 hingga 3 petang)

Uruf selepas Tawaf Wada' ialah 4-5 jam. Contohnya, jadual bertolak (keluar Makkah) pada pukul 2 atau 3 petang maka jemaah haji dibolehkan bertawaf pada pukul 10.00 pagi.

2. Hari Sabtu hingga Khamis dan Jumaat (Bagi bas yang bertolak selain waktu di atas)

Uruf selepas Tawaf Wada' ialah 2-3 jam. Contohnya, jadual bertolak (keluar Makkah) pada pukul 6 petang maka jemaah haji dibolehkan bertawaf pada pukul 03.00 petang.

Sekiranya terdapat permasalahan seperti perubahan jadual bertolak (keluar Makkah) maka uruf masa (samada perlu diulang semula Tawaf Wada' atau tidak) adalah mengikut panduan seperti di atas.

2 - PERINCIAN HAJAT (HAJIYAT) DALAM PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN SELEPAS TAWAF WADA'

1. Makan dan minum sekadar keperluan di dalam bilik penginapan di hotel (maktab).
2. Qada Hajat dalam tandas di bilik penginapan.
3. Mengambil beg dan barang yang diletakkan dalam bilik penginapan.
4. Mencari isteri, keluarga atau rakan yang hilang.
5. Mencari harta yang hilang
6. Melawat atau membawa orang sakit (kes kecemasan) ke hospital atau klinik.

KEDUDUKAN PETUGAS HAJI MELAKSANAKAN TAWAF WADA'

Sekiranya terdapat keterbatasan masa mahupun tempat untuk petugas haji untuk mengerjakan Tawaf Wada', sedangkan kerja yang hendak dilaksanakan itu amat penting demi kemaslahatan awam/jemaah haji (perkara Darurat dan *Hajiyat*) dan perlu bersegera maka tidak salah sekiranya pendapat kedua di dalam Mazhab al-Syafi'ie digunakan iaitu hukum mengerjakan Tawaf Wada' adalah sunat (mustahab) dan sunat membayar dam.

KERTAS KERJA KETIGA

TAJUK : LARANGAN DI DALAM IHRAM DAN DAM

- 1 - Suami atau isteri yang berada dalam ihram boleh berpimpinan tangan ketika *masyaqqa*h dan keperluan jika persentuhan tidak menimbulkan syahwat.
- 2 - Tidak rosak (*fasad*) Haji dan tidak dikenakan dam sekiranya jemaah haji melakukan hubungan jenis dalam keadaan lupa atau dipaksa atau jahil.

Perbincangan ini adalah merujuk kepada kitab – Mughni

Muhtaj, Juz 1, m/s 702, cetakan Dar al-Fikr dan Kitab al-Idhah fi Manasik Haj dan Umrah, m/s 173, Maktab al-Imdadiyyah, cetakan Dar al-Basyaair.

KERTAS KERJA KEEMPAT

TAJUK : BADAL HAJI

1 - Jika orang yang bukan di Makkah (*afaqiy*) mengupah orang Makkah dan dia bermiqat di Makkah (maksudnya bukan miqat orang yang mengupah) maka menurut pendapat yang disepakati kebanyakan ulama', dikenakan dam *isa'ah* ke atasnya serta dikurangkan upah. Manakala salah satu pendapat yang *muqabilnya* sepetimana dihuraikan oleh al-Muhib al-Tabariy bahawa tidak diwajibkan sesuatu ke atasnya kerana Makkah itu miqat sharie.

2 - Memperakukan pembentangan laporan 'Post Mortem' Operasi Haji bertajuk Pendekatan Terbaik Mengatasi Jemaah Haji Lanjut Usia yang Nyanyuk Apabila Sampai di tanah suci seperti berikut :

Dementia ada tiga peringkat :

A. Mild (Ringan)

B. Moderate (Sederhana)

C. Severe (Teruk)

A. Severe (Teruk)

a. Mudah terlupa (kerap hilang barang, lupa pesanan atau temujanji)

b. Kurang daya tumpuan untuk membaca.

c. Pekerjaan harian mungkin tidak seelok dulu (masakan kurang sedap, rumah kurang bersih).

d. Kadangkala terlupa waktu sembahyang atau samada dia sudah sembahyang atau belum.

e. Tapi masih boleh ingat bacaan dan rukun sembahyang.

- f. Susah mengingati nama kawan walaupun kenal muka mereka.
- g. Susah mengingati jalan yang baru, boleh sesat.
- h. Ingatan semasa muda masih kuat dan suka bercerita kisah-kisah lama.
- i. Masih waras dan boleh buat keputusan yang wajar.

RUMUSAN

Boleh mengerjakan haji tetapi memerlukan pengawasan dan peringatan oleh saudara yang terdekat.

B. Moderate Dementia (Sederhana)

- a. Hilang ingatan yang bertambah serius.
- b. Mudah lupa perkara yang baru sahaja berlaku.
- c. Susah mengenali orang lain.
- d. Tidak mengingati kediaman sendiri.
- e. Kadangkala merayau keluar rumah dan tidak tahu jalan balik (sesat).
- f. Mungkin bermasalah menahan kencing dan buang air besar (incontinence).
- g. Mungkin mengalami psikosis (mendengar suara ghaib, nampak bayangan).
- h. Mempunyai tingkah laku yang menyusahkan (degil dan ganas).
- i. Sembahyang pada waktu yang salah.
- j. Perlu peringatan dan pengawasan tentang waktu sembahyang, mandi

RUMUSAN

Tidak dibenarkan mengerjakan ibadat haji.

C. Severe Dementia (Teruk)

Semua tanda-tanda penyakit adalah lebih teruk dari peringkat sederhana.

- a. Masalah pertuturan yang tidak jelas.
- b. Susah untuk memahami suruhan yang diberi.
- c. Susah untuk melakukan pekerjaan yang senang seperti mandi atau makan.
- d. Tidak mengingati waktu dan cara sembahyang yang betul
- e. Masalah pergerakan – mudah terjatuh, perlu dipimpin dan

- tidak berdiri tegak sendiri.
- f. Masalah psikosis dan tingkah laku yang di luar kawalan (ganas).
 - g. Tidak kisah tentang alam sekeliling.
 - h. Tiada motivasi untuk melakukan aktiviti harian.
 - i. Susah tidur dan merayau-rayau di waktu malam.

RUMUSAN

Tidak dibenarkan mengerjakan ibadat haji.

MENERIMA KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT IBADAT HAJI – JAKIM 2/1427H PADA 4 APRIL 2006

TAJUK : PERINCIAN DAN RUANG LINGKUP DALAM QAUL MARJUH PANDANGAN MAZHAB SHAF'IE

1 - Perincian dan ruanglingkup dalam *Qaul Marjuh* pandangan Mazhab Syafi'ie dalam perkara tidak membatalkan wuduk ketika bersentuh tanpa syahwat ketika tawaf akan diluaskan penggunaannya bermula dari tempat penginapan (Makkah sahaja) seterusnya hingga ketika di dalam Masjid Haram.

Perkara ini juga boleh digunakan ketika berada dalam keadaan *masyaqqah* seperti menaiki pesawat atau bas sepanjang tempoh mengerjakan haji (Makkah dan Madinah).

Sah diguna pakai untuk tawaf dan sebagainya selagi wuduk tidak terbatal mengikut Mazhab Syafi'ie contohnya, seperti keluar sesuatu daripada Qubul atau Dubur.

2 - KAIFIYAT SOLAT DI ARAFAH DAN MINA DILAKSANAKAN SECARA TAMAM DAN JAMA'

Mesyuarat telah mengambil maklum berhubung *masyaqqah* semasa di Arafah dan Mina bagi Jemaah Haji. Pertimbangan dibuat setelah

merujuk kepada kemudahan asas seperti tempat wuduk dan tandas yang amat terhad, telah menimbulkan pelbagai kesulitan dikalangan jemaah haji khususnya jemaah haji warga emas.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju faktor-faktor di atas telah menyumbang supaya jemaah haji mulai Musim Haji 1427H dibenarkan melaksanakan solat secara Jama' semasa berada di Arafah dan Mina. Ini berdasarkan kepada *masyaqqah* dan mengikut pendapat harus jama' kerana *nusuk*.

**RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE 23 MUSIM HAJI 1428H
HOTEL SELESA BEACH RESORT, PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN, DARUL KHUSUS
20 – 22 APRIL 2007**

KERTAS KERJA PERTAMA

**TAJUK : PERMASALAHAN DAM KAFARAH DAN FIDYAH DALAM
IBADAT HAJI**

- 1 - Berdasarkan kekeliruan mengenai perkataan *qurban* yang dibincangkan dalam bab Haji Tamattu' seperti yang terdapat pada buku dan risalah yang diedarkan oleh kerajaan Arab Saudi kepada jemaah haji, perkataan *qurban* tersebut bermaksud Dam Tamattu'. Perkara ini perlu diperjelaskan kepada jemaah haji semasa kursus haji.
- 2 - Dalam proses penyempurnaan Dam Nusuk (al-An'am) **TH** hanya bertindak sebagai wakil melaksanakan dam.
- 3 - Nilai secupak beras bagi dam ialah mengikut harga pasaran semasa.

KERTAS KERJA KEDUA

TAJUK : PERANAN HAJI DALAM MEMBANGUNKAN MODAL INSAN

- 1 - Pengkursus Ibadat Haji perlu memberi penekanan mengenai *tazkiyyah al-nafs* dalam bimbingan haji.
- 2 - Hikmah dan falsafah perlu dikaitkan dalam penerangan setiap rukun dan wajib haji bagi memberi keberkesanan dan melahirkan semangat yang tinggi dalam jiwa setiap jemaah haji.
- 3 - Pengkursus Ibadat Haji hendaklah sentiasa memperingatkan jemaah haji supaya menjaga ibadat mereka.

KERTAS KERJA KETIGA

TAJUK : SOAL JAWAB KEMUSYKILAN IBADAT HAJI MUSIM HAJI 1427H

- 1 - Seseorang yang berihram dengan Umrah Sunat selepas ihram Umrah Tamattu' oleh sebab didapati halangan-halangan yang tidak membolehkan penyempurnakan Tawaf Umrah seperti kedatangan haid bagi perempuan pada 8 Zulhijjah sebelum ke Arafah, dibenarkan dia berniat haji, bererti hajinya jadilah Haji Qiran. Maka hanya dikenakan satu dam sahaja iaitu Dam Tamattu'. Ini merujuk kepada pendapat al-Subkiy dan al-Isnawi dan lain-lain.
- 2 - Selipar/sandal yang boleh dipakai semasa dalam ihram bagi lelaki hendaklah menampakkan tumit dan kesemua hujung jari kaki.
- 3 - Had muka wanita ketika tawaf dan solat adalah seperti berikut, batasan lebar muka bagi seseorang wanita bermula dari anak telinga kiri hingga anak telinga kanan, batasan memanjang muka ialah dari gigi rambut hingga ke bawah dagu (termasuk tulang rahang) (tidak mengapa jika tertutup sedikit bahagian muka kerana menutup kepala dalam ihram).
- 4 - Bulu yang tumbuh di kawasan muka wajib basuh kesemua sekali ketika berwuduk.
- 5 - Dataran yang terdapat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi tidak dikira sebagai sebahagian daripada masjid.

KERTAS KERJA KELIMA

TAJUK : MENUNAIKAN HAJI MELALUI PEMBIAYAAN/PINJAMAN INSTITUSI KEWANGAN

- 1 - Harus bagi orang yang berhutang melalui skim pinjaman wang daripada institusi kewangan untuk menunaikan fardhu haji atau umrah sekiranya diyakini mampu membayar balik hutang tersebut dan tidak menjelaskan kehidupan normal seseorang. Walau bagaimanapun tertakluk kepada syarat-syarat berikut :
- 1.1 tidak ada unsur riba;
 - 1.2 mempunyai pendapatan yang melebihi sara diri serta orang yang dalam tanggungan untuk melunaskan hutang atau perbelanjaan mengerjakan haji;
 - 1.3 kemudahan yang diambil hendaklah benar-benar atas dasar menyegerakan perlaksanaan perintah Allah, bukan sekadar memenuhi keinginan untuk berkunjung dan berekreasi bersama keluarga ke tanah suci.

**RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE 24 MUSIM HAJI 1429H
HOTEL DE PALMA, AMPANG
SELANGOR DARUL EHSAN
11 – 13 APRIL 2008**

KERTAS KERJA PERTAMA

**TAJUK : PERMASALAHAN WAS-WAS DI KALANGAN JEMAAH HAJI
DAN JALAN PENYELESAIAN**

- 1 - Jemaah haji hendaklah memahami hukum-hakam ibadat haji dengan sempurna.
- 2 - Syak yang memberi kesan ialah syak ketika sedang melakukan ibadat, adapun syak selepas melakukan ibadat tidak diambilkira.
- 3 - Selepas mengerjakan ibadat, jangan mengelamun dan melayani perasaan was-was.

KERTAS KERJA KEDUA

TAJUK : PERMASALAHAN IBADAT HAJI MUSIM HAJI 1428H

- 1 - Ucapan takbir semasa melontar Jamrah Kubra Hari Nahar boleh dilafazkan seperti takbir raya.
- 2 - Penyelesaian permasalahan wanita haid yang tidak sempurna tawaf hendaklah diselesaikan mengikut kedudukan setiap masalah satu persatu (permasalahan yang dirujuk)

KERTAS KERJA KETIGA

**TAJUK : PERMASALAHAN *DAIM HADATH* DALAM MENYEMPURNAKAN
IBADAT HAJI**

- 1 - Jemaah haji yang mengalami *daim hadath*, apabila masuk waktu hendaklah membersih kotoran, kemudian membalut tempat berkenaan

dengan kemas seterusnya berwuduk seterusnya terus bersolat.

- 2 - Kadar segera (muwalat) yang dimaksudkan tidak termasuk persediaan untuk solat seperti menutup aurat, azan dan iqamat, menunggu jemaah, perjalanan ke masjid dan penentuan arah kiblat tetapi bukan kerana makan, berbual atau seumpamanya.
- 3 - Setiap kali hendak berwuduk wajib ditukar balutan (bagi luka atau bisul) atau lampin dan seumpamanya (bagi istihadah, buasir dan salas al-bawl) yang baru.
- 4 - Niat tersebut ” Sahaja aku berwuduk untuk mengharuskan solat / tawaf”.
- 5 - Setiap kali wuduk hanya untuk satu ibadat fardhu sahaja tetapi boleh untuk beberapa sunat.
- 6 - Jika *salas* boleh dikawal dengan keadaan duduk maka wajib melakukannya dalam keadaan sedemikian tanpa perlu diulangi ibadat tersebut.

KERTAS KERJA KEEMPAT

TAJUK : NAZAR DALAM IBADAT HAJI

- 1 - Nazar untuk menunaikan haji fardhu ataupun umrah fardhu tidak sah.
- 2 - Orang yang bernazar untuk menunaikan haji pada tahun tertentu tetapi dihalang oleh pihak berkuasa, tidak wajib menunaikan dan tidak wajib qadha’.
- 3 - Lintasan hati untuk menunaikan sesuatu hajat tidak dikira nazar jika tidak dilafazkan serta memenuhi syarat nazar.
- 4 - Nazar bukan sesuatu amalan yang digalakkkan kerana Nabi Muhammad sendiri tidak pernah bernazar.

- 5 - Nazar tidak boleh dijadikan alasan untuk mendesak pihak berkuasa meluluskan permohonan menunaikan haji. Keadaan tersebut menafikan hak orang yang sepatutnya diberi keutamaan menunaikan haji.
- 6 - Nazar tidak boleh dijadikan alasan oleh pihak yang berkepentingan untuk menjanjikan jemaah haji mendapat tempat mengerjakan ibadat haji.

**RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE 25 MUSIM HAJI 1430H
PERSADA JOHOR,
INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
JOHOR BAHRU, JOHOR
3 – 5 APRIL 2009**

KERTAS KERJA PERTAMA

TAJUK : RAHSIA KEROHANIAN DISEBALIK IBADAT HAJI

- 1 - Kandungan kertas kerja ini akan dijadikan sebahagian daripada modul kursus haji.

KERTAS KERJA KEDUA

**TAJUK : KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN
BERHUBUNG HUKUM HAKAM IBADAT**

- 1 - Hukum sembahyang jama' kerana menjalani rawatan penyakit kronik yang memakan masa yang lama seperti menjalani rawatan hemodialisis bagi penyakit buah pinggang dan seumpamanya adalah harus.
- 2 - Pesakit yang menggunakan beg kolostomi dikategorikan sebagai mereka yang mengalami masalah dharurat dan tidak dianggap sebagai menanggung najis. Oleh itu, mereka tidak perlu mengosong atau membersihkan beg kolostomi pada setiap kali berwuduk atau menunaikan solat. (Begini juga hukumnya dalam permasalahan tawaf).
- 3 - Pesakit yang mengidap penyakit kronik yang tidak ada harapan sembuh seperti sakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan seumpamanya tidak wajib menunaikan ibadat haji. Pesakit kronik adalah wajib melaksanakan badal haji sekiranya

berkemampuan daripada sudut kewangan dan sekiranya telah sembahuh daripada sakit kronik, individu tersebut wajib menunaikan ibadat haji jika berkemampuan.

KERTAS KERJA KETIGA

TAJUK : PEMBESARAN AL-MAS'A : HUKUMNYA

- 1 - Sah mengerjakan sa'ie di mas'a yang telah diperlebarkan.

KERTAS KERJA KEEMPAT

TAJUK : SOAL JAWAB KEMUSYKILAN IBADAT HAJI MUSIM HAJI 1429H

- 1 - Persoalan yang terdapat dalam kertas kerja ini akan dijadikan sebahagian daripada buku Soal Jawab Haji dan Umrah.
- 2 - Perlu diberi penjelasan kepada jemaah yang ingin membawa anaknya yang belum berkhitan untuk menunaikan ibadat haji dan umrah supaya berkhitan.
- 3 - Jemaah haji yang telah berwuduk dan solat secara duduk atau berdiri dalam pesawat tanpa menghadap ke arah qiblat atau menghadap ke arah qiblat tetapi tetap kerana pergerakan pesawat adalah diwajibkan mengulangi semula solat jika masih ada waktu atau perlu diqada' jika telah luput waktu semasa tiba di destinasi yang dituju. Ini kerana jemaah tersebut melakukan solat dalam keadaan tidak menghadap ke arah qiblat secara tetap, ini hanya bagi kes solat fardhu sahaja.

KERTAS KERJA KELIMA

TAJUK : PELAKSANAAN HAJI DAN UMRAH TANPA MAHRAM : HUKUMNYA

- 1 - Harus bagi wanita menunaikan haji atau umrah sunat tanpa kehadiran suami atau mahram dengan syarat :.

1.1 Jika bersuami hendaklah mendapat izin suami dan bagi yang tiada

- suami hendaklah dengan izin walinya;
- 1.2 perjalanan dan tempat yang hendak dituju adalah aman dan tidak menimbulkan fitnah;
- 1.3 adanya rakan wanita *thiqat* dan solehah, sekurang-kurangnya seorang teman yang dipercayai; dan
- 1.4 hendaklah dengan tujuan semata-mata kerana ibadat kepada Allah SWT.

TAJUK : SOLAT DI ARAFAH, MINA DAN MUZDALIFAH

- 1 - Dibolehkan Solat Jamak di Arafah, Mina dan Muzdalifah secara *tamam* (sempurna) kerana keperluan disebabkan *masyaqqah* yang dihadapi oleh jamaah haji. Pendapat ini dikemukakan adalah berdasarkan pendapat Ibn Sirin, al-Qafal al-Kabir al-Syasyi, Abi Ishaq al-Marwazi yang menyatakan harus jamak solat semasa bermuqim/tidak musafir kerana keperluan (*al-Hajat*)
(Lihat Abu Zakariya Yahya bin Syaraf al-Nawawi, *Raudah al-Talibin*, Beirut, dar al-Kutub al-Ilmiah juz 1, halaman 503. Lihat juga al-Nawawi, Kitab *al-Majmuk Syarh al-Muhazab*, Dar Ihya' al-Turath, juz 4, halaman 264)

TAJUK : SOLAT MENGHORMATI WAKTU

- 2 - Bagi seseorang yang tidak mampu berwuduk dan bertayyamum disebabkan tidak boleh mengguna air dan debu mengikut qaul al-Sahih Mazhab Syafiyyah wajib solat dalam keadaan tidak berwuduk. Wajib mengulangi solatnya. Melaksanakan fardhu solat dalam keadaan tersebut adalah darurah untuk menjaga kehormatan waktu solat (kefardhuan solat)

(al-Nawawi, Kitab al-Majmuk Syarh al-Muhazzab, Dar Ihya' al-Turath, juz 2, halaman 322-323)

**RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE 26 MUSIM HAJI 1431H
KELANTAN TRADE CENTRE,
KOTA BHARU, KELANTAN
04 - 07 MAC 2010**

KERTAS KERJA PERTAMA

**TAJUK : PEMERKASAAN HIDUP KEROHANIAN DALAM MASA
MELAKSANAKAN IBADAT HAJI**

- 1 - Menjadikan kertas kerja ini sebagai bahan bacaan tambahan dalam membincangkan falsafah haji. Cadangan supaya ditambah sebagai satu tajuk khas dalam kursus haji.
- 2 - Pembimbing Ibadat Haji hendaklah membimbing jemaah haji dengan menggunakan bahasa yang jelas dan terang supaya mudah difahami.
- 3 - Pembimbing Ibadat Haji hendaklah menunaikan amanah ini dengan ikhlas dan selaras dengan keputusan muzakarah haji peringkat kebangsaan
- 4 - Pembimbing Ibadat Haji hendaklah menyedari dirinya sebagai muallim yang menyampaikan ilmu yang betul, muaddib yang mendidik adab dengan halus dan murabbi yang meningkatkan peribadi anak didiknya.

KERTAS KERJA KEDUA

**TAJUK : WAKALAH HAJI DAN UMRAH, QURBAN SERTA
PERMASALAHANNYA**

- 1 - Perkara-perkara yang boleh diwakilkan dalam kerja haji dan umrah ialah melontar jamrah dan pelaksanaan dam. Perkara-perkara lain yang tidak boleh diwakilkan antaranya ialah seperti niat ihram, tawaf,

sa'ie, wuquf dan mabit.

- 2 - Wakalah Qurban hanya boleh dilakukan bagi orang yang masih hidup dengan izinnya. Walaubagaimanapun bapa dan datuk sebelah bapa boleh melakukan qurban untuk anak atau cucu yang belum baligh, dibawah perwaliaannya yang masih hidup.
- 3 - Qurban untuk si mati hanya boleh dilakukan apabila diwasiatkan. Manakala qurban untuk si mati tanpa diwasiatkan boleh dilakukan dengan niat berkongsi pahala dengannya.
- 4 - Perbelanjaan Badal Haji Wajib tidak terbatas kepada 1/3 harta peninggalan si mati.

KERTAS KERJA KETIGA

TAJUK : BAIK BURUK PETUGAS HAJI YANG TIDAK MELAKSANAKAN HAJI SEMASA BERTUGAS DI TANAH SUCI

- 1 - Petugas Haji **TH** mencontohi golongan *Siqayah Abbas* yang menjalankan tugasan menjaga kebajikan minuman para jemaah haji yang turut melaksanakan ibadat haji. Rasulullah SAW tidak menghalang mereka daripada menunaikan ibadat haji bahkan mereka diberi kelonggaran untuk tidak bermabit di Muzdalifah dan Mina disebabkan menjaga kebajikan jemaah haji.
- 2 - Memasuki Tanah Haram Makkah tanpa berihram adalah satu perkara yang dibenci Allah, bagaimanakah Petugas Haji **TH** hendak mendapat keberkatan dan memohon pertolongan Allah sedangkan dalam masa yang sama mereka melakukan perkara yang tidak disukai oleh Allah.
- 3 - Petugas Haji **TH** melaksanakan tugas merupakan satu insentif untuk

anggota bekerja dengan lebih tekun dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan imej **TH**.

- 4 - Kesimpulan daripada ini muzakarah bersetuju agar Petugas Haji TH yang bertugas di Tanah Suci hendaklah digalakkan supaya menunaikan ibadat haji.

KERTAS KERJA KEEMPAT

TAJUK : LARANGAN IHRAM : KEFAHAMAN MAKSUD PEMAKAIAN SELIPAR (KASUT) YANG MENAMPAKKAN SEMUA JARI KAKI ATAU TIDAK

- 1 - Selipar yang mesti dipakai oleh jemaah haji lelaki semasa dalam ihram hendaklah mengeluar dan menzahirkan kesemua hujung jari jemari kakinya dan kesemua tumit.

KERTAS KERJA KELIMA

TAJUK : PERMASALAHAN PILIHAN MUSIM HAJI 1430H

- 1 - Umrah sunat yang fasad wajib diqada. Manakala umrah sunat yang tidak dapat disempurnakan kerana ihsar tidak wajib diqada'.
- 2 - Tiga (3) keadaan niat ihram bersyarat bagi jemaah haji wanita :

Yang dibolehkan :

- 2.1.** Dalam keadaan tidak berhaid dia berniat ihram dengan menyertakan syarat "Sekiranya aku kedatangan haid dan haidku berterusan sehingga tarikh pulang maka jadi halallah aku"
- 2.2** Dalam keadaan berhaid dia berniat ihram dengan

menyertakan syarat "Jika haid aku berterusan sehingga tarikh pulang maka jadi halallah aku"

Yang Tidak Dbolehkan :

- 2.3** Dalam keadaan tidak berhaid dia berniat ihram kemudian ketika didatangi haid dia berkata "Jika haidku berterusan sehingga tarikh pulang maka jadi halallah aku"
- 3 - Ihram bersyarat tidak digalakkan bagi niat ihram haji.
 - 4 - Jemaah yang pergi ziarah ke tempat yang jarak jauh perjalanan 2 marhalah (lebih kurang 91 kilometer) dan ke atas hendaklah melakukan Tawaf Wada'.
 - 5 - Jemaah yang memakai beg kolostomi dikategorikan sebagai orang yang mengalami masalah *dharurat* dan tidak dianggap sebagai menanggung najis. Wuduk yang diambil oleh pesakit harus digunakan untuk melaksanakan semua ibadat termasuk menuaikan solat fardu sehingga wuduk tersebut terbatal.

Walau bagaimanapun semasa di Tanah Suci dinasihatkan agar dia mengosong beg tersebut apabila hendak menuaikan solat di masjid atau tawaf kerana dibimbangi jika terlalu banyak takungan ia menjadi berat dan berkemungkinan pecah atau tiris dalam masjid semasa tawaf atau solat.

KERTAS KERJA KEENAM

TAJUK : HAID DAN PERMASALAHAN JEMAAH HAJI WANITA – DARI PERSPEKTIF PERUBATAN

- 1 - Adalah lebih baik bagi jemaah wanita yang tidak menghadapi sebarang masalah haid menghindari daripada mengambil pil penahan haid.
- 2 - Jika terdapat permasalahan haid hendaklah dirujuk kepada pakar sakit puhan sebaik-baiknya tiga bulan sebelum berangkat ke Tanah Suci.

**RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE 27 MUSIM HAJI 1432H
TaHa D' MUTIARA, PULAU PINANG
18 - 21 FEBRUARI 2011**

KERTAS KERJA PERTAMA

TAJUK : PERMASALAHAN IBADAT HAJI PADA MUSIM HAJI 1431 HIJRAH

- 1 - Jemaah haji lelaki yang tidak wajib menunaikan solat jumaat kerana uzur syar'ie tidak perlu menunggu sehingga selesai solat jumaat di masjid yang berhampiran untuk menunaikan solat zohor, dan sah solat wanita berjemaah dengan berimamkan lelaki yang uzur tersebut.
- 2 - Mengikut pandangan Mazhab Shafie tidak sah solat seseorang berimam dengan imam di Al-Masjid Al-Haram sedangkan ia berada di bangunan yang berasingan seperti hotel, dan makmum terpaksa membelakangkan kiblat untuk menuju kepada imam walaupun dalam jarak yang berhampiran dengan masjid.
- 3 - Berdoa yang panjang selepas selesai Tawaf Wada' sehingga masuk waktu solat tidak membatalkan Tawaf Wada', berlainan dengan bacaan wirid yang panjang kerana menunggu waktu solat selepas melaksanakan Tawaf Wada' akan membatalkan Tawaf Wada' yang telah dilakukan.
- 4 - Terdapat dua (2) hukum mengenai mengambil gambar selepas Tawaf Wada' iaitu :
 - 4.1.** Tidak boleh mengambil gambar di sekitar Al-Masjid Al-Haram dan sepanjang perjalanan balik ke tempat penginapan atau tempat menunggu kenderaan kerana tidak ada kaitan dengan urusan perjalanan.

- 4.2** Boleh mengambil gambar, jika sekiranya dilakukan dalam jangka masa sambil menunggu kedatangan kenderaan.
- 5 - Solat Menghormati Waktu bagi *Faqid Tohurayn* (mereka yang tidak dapat bersuci menggunakan air atau secara bertayammum) ketika musafir boleh dijama'kan secara jama' takhir sahaja dan qasar (Rujuk Kitab Mughni al-Muhtaj, Bab Solat Musafir. Juz 1, Muka Surat 370. Cetakan Pertama – Dar al-Fikr 2001)
- 6 - Disarankan kepada Pembimbing Ibadat Haji menela'ah (menghayati, memahami dan menguasai) semua Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan yang telah diputuskan dengan muktamad dan menjadikan bahan-bahan terbitan bimbingan haji cetakan terkini sebagai rujukan.

KERTAS KERJA KEDUA

TAJUK : HAID DAN ISTIHADAH : HURAIAN BERDASARKAN KITAB MUGHNI AL-MUHTAJ DAN BUGHYAH AL-TULLAB

Haid ialah darah yang keluar dari rahim wanita pada waktu-waktu tertentu ketika berumur sembilan tahun Qamariyah ke atas.

Istihadah ialah darah keluar selepas tempoh maksimum haid dan nifas. Ia disebabkan penyakit atau kerosakan urat yang berada di bawah rahim

Sebagai panduan untuk memudahkan Pembimbing Ibadat haji membantu jemaah haji mengenalpasti perkara-perkara berkaitan darah haid dan istihadah, Pembimbing Ibadat Haji hendaklah memahami bahawa wanita yang mengalami istihadah terbahagi kepada kategori berikut :

- 1- **Wanita pertama kali mengalami hadi ada 2 kategori, iaitu :**
 - i- Dapat membezakan warna darah.
 - ii- Tidak dapat membezakan warna darah

- 2- **Wanita yang biasa mengalami haid ada 5 kategori, iaitu :**
 - i- Mengenal pasti tempoh dan waktu datang haid, tetapi tidak dapat membezakan warna darah.
 - ii- Mengenal pasti tempoh dan waktu datang haid, tetapi dapat membezakan warna darah.
 - iii- Tidak mengenal pasti tempoh dan waktu datang haid.
 - iv- Tidak mengenal pasti tempoh haid tetapi mengenal pasti waktu datang haid.
 - v- Tidak mengenal pasti waktu datang haid tetapi mengenal pasti tempoh haid.

KERTAS KERJA KETIGA

TAJUK : KEKERAPAN MENUNAIKAN HAJI : SATU ANALISA

- 1 - Berdasarkan *fiqh awlawiyat* (fikah keutamaan), kuota haji hendaklah memberikan keutamaan kepada orang yang telah berkemampuan dan belum pernah mengerjakan haji.

- 2 - Mendapatkan kuota haji dikira sebagai syarat *istito'ah* (berkemampuan).

KERTAS KERJA KEEMPAT

TAJUK : PELAKSANAAN IBADAT HAJI MEMBAWA KEPADA PEMERKASAAN TAMADUN KHAIRA UMMAH

- 1 - Bimbingan Ibadat Haji hendaklah dijanakan melalui *qudwah hasanah*

(teladan yang baik) dan *qiyadah rashidah* (kepimpinan terpimpin) kepada jemaah haji sepanjang masa. Elakkan daripada memberi teladan yang tidak santun dalam bimbingan ibadat haji.

- 2 - Jemaah haji hendaklah diberi kesedaran dan keyakinan bahawa menunaikan haji bukan sekadar menyelesaikan rukun Islam yang ke-5, malah mereka hendaklah menyedari dan meyakini bahawa melakukan ibadat ini adalah usaha menyiapkan diri menjadi orang mukmin yang sejati dan dapat mengembalikan kesedaran terhadap tanggungjawab kepada Allah dan ummah sejagat.

**RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE 28 MUSIM HAJI 1433H
HOTEL AWANA PORTO MALAI, LANGKAWI
KEDAH DARUL AMAN
09 – 12 RABIULAKHIR 1433H BERSAMAAN 02 - 05 MAC 2012**

KERTAS KERJA PERTAMA

TAJUK : PERMASALAHAN IBADAT HAJI PADA MUSIM HAJI 1432 HIJRAH

1 - Kaedah Nafar Awwal

- (i) Jemaah haji yang melaksanakan Nafar Awwal dengan cara terus keluar meninggalkan Mina ke Makkah hendaklah berniat Nafar Awwal selepas melontar Jamrah Kubra dan di dalam had Mina. Oleh sebab itu, mereka hendaklah kembali ke arah Jamrah Wusta sedikit untuk berniat Nafar Awwal sebelum berjalan keluar meninggalka Mina.
- (ii) Tidak sah Nafar Awwal sekiranya berniat Nafar Awwal selepas melontar Jamrah Kubra pada hari 12 Zulhijjah **di Jamrah Kubra**. Ini kerana menurut Qaul Muktamad, Jamrah Kubra tidak termasuk dalam kawasan Mina.
- (iii) Bagi jemaah haji yang telah berbuat demikian hendaklah membayar dam berikut :-
 - a. Dam tidak bermalam pada 13 Zulhijjah satu (1) malam satu (1) cupak
 - b. Dam tidak melontar ketiga-tiga jamrah pada hari 13 Zulhijjah (Dam Tertib dan Taqdir)

Kesalahan Masa Lampau Rukun Haji dan Umrah

- (i) Penjelasan berkaitan kesalahan masa lampau berkaitan Rukun Haji atau Umrah yang tidak sempurna semasa mengerjakan ibadat tersebut dan hanya disedari pada masa ini. Ia adalah seperti berikut :
- Tidak sempurna Haji dan Umrah
 - Masih berada dan terikat dengan larangannya.

Perhatian :

- Melaksanakan Dam Ihsar bagi membebaskan diri dari larangan ihram
- Menyempurnakan Rukun Haji dan Umrah yang belum selesai secepat mungkin (berdasarkan kemampuan)

Merujuk perbincangan dalam Kitab Bahrul Wafi, jenis larangan tersebut terbahagi kepada beberapa keadaan di bawah :-

- Larangan yang berunsur semata-mata membinasa seperti memburu/membunuh binatang buruan walau di mana berada dan bagi kes menebang pokok hanya di Tanah Haram Makkah.
- **Dikenakan dam, tidak disyaratkan mengetahui haram dan tidak disyaratkan sengaja**
- Larangan yang berunsur bersedap-sedap semata-mata seperti memakai bau-bauan atau pakaian atau menyapu minyak pada rambut kepala

- **Dikenakan dam jika dilakukannya dengan sengaja dan mengetahui haram**

- c. Larangan yang berunsur binasa dan bersedap yang mana unsur binasa melebihi bersedap seperti memotong kuku dan rambut
- **Dikenakan dam, tidak disyaratkan mengetahui haram dan tidak disyaratkan sengaja**

- d. Jika unsur bersedap (*taraffuh*) melebihi biasa (*itlaf*) seperti muqadimah persetubuhan dan jima'
- **Dikenakan dam, dan berdosa jika dilakukan dengan mengetahui haram dan sengaja**

KERTAS KERJA KEDUA

TAJUK : FALSAFAH HAJI : PENGHAYATAN ROH HAJI DAN HUBUNGKAIT DENGAN SEMANGAT BERSAMA SANTUNI DHUYUF AL-RAHMAN

Keperluan memberi penekanan berkaitan falsafah dan hikmah ibadat haji bagi menzahirkan akhlak yang mulia sepanjang melaksanakan ibadat haji atau umrah dan juga ketika menyantuni Dhuyuf Al-Rahman selari dengan nilai-nilai haji berdasarkan *harakah qalbiah*.

KERTAS KERJA KETIGA

TAJUK : DHUYUF SANTUN KEMABRURAN TERHIMPUN

Etika dan adab Dhuyuf Al-Rahman perlu ditekankan untuk mencapai kemabruran haji. Kesantunan sepanjang melaksanakan ibadat haji dan *istiqamah* selepas penyempurnaan ibadat tersebut merupakan manifestasi kejayaan memerangi hawa nafsu serta akhlak *mazmumah* melalui transformasi zahir dan batin ke arah yang lebih baik

KERTAS KERJA KEEMPAT

TAJUK : MANASIK HAJI MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

- (i) Gerakan pelaksanaan ibadah haji adalah pengembaraan kerohanian menuju kepada Allah yang bersifat Al-Rahman.
- (ii) Memperbanyak dan pelbagaikan aktiviti kerohanian semasa berada di Makkah dan Madinah bagi Dhuyuf Al-Rahman.
- (iii) Mencontohi amalan dan perbuatan para sahabat dan ulama' serta mengelak daripada melakukan amalan yang bertentangan dengan syara'.

KERTAS KERJA KELIMA

TAJUK : LARANGAN AL-RAFATH KETIKA MELAKSANAKAN IBADAT HAJI

- (i) Keperluan mengetahui secara mendalam *Al-Rafath*, *Al-Fusuq* dan *Al-Jidal* serta mengelakkannya bagi mendapat haji yang mabru
- (ii) Persentuhan dengan **sengaja tanpa berlapik (mubasyarah)** antara lelaki dan wanita yang menimbulkan syahwat ketika berihram sama ada **inzal ataupun tidak**, kedua-duanya berdosa dan dikenakan **Dam Takhyir dan Taqdir ke atas lelaki** sahaja.
- (iii) Persentuhan secara **berlapik (ghair mubasyarah)** antara lelaki dan wanita semasa berihram dan bersyahwat adalah **berdosa tetapi tidak dikenakan dam walaupun inzal**.
- (iv) Jemaah haji wanita sesama wanita yang berada dalam keadaan berihram dan bersentuhan **tanpa berlapik** dalam keadaan syahwat adalah **berdosa dan dikenakan dam sama ada inzal atau tidak**

inzal.

- (v) Bagi kes lelaki sesama lelaki (dalam ihram) yang *mubasyarah* (bersentuhan tanpa berlapik) dan timbul syahwat antara kedua berdosa dan dikenakan dam sama ada **inzal** atau tidak **inzal**.

KERTAS KERJA KEENAM

TAJUK : ***KHUNSA DAN MUKHANNAS DALAM PERMASALAHAN IBADAT HAJI***

- (i) Khunsa atau dalam erti kata kecelaruan jantina pada diri seseorang individu dalam permasalahan ibadat sama ada ibadat fardhu, wajib ataupun sunat hendaklah merujuk kepada alat kelamin. Ini terpulang kepada seorang individu dan dengan bantuan Doktor Pakar untuk menentukan kedudukannya kerana perkara ini adalah sulit dan sukar ditentukan oleh orang lain.
- (ii) Bagi *mukhannas* semulajadi atau yang disengajakan, telah melakukan pembedahan tukar jantina atau tidak dan kes menukar jantina dengan melakukan pembedahan bukan disebabkan keharusan syarak, maka hukum individu tersebut termasuk ibadat haji dan umrah hendaklah mengikut **hukum asal kejadian dirinya**.
- (iii) Hendaklah menyediakan satu program kaunseling serta memberi panduan dan tatacara yang betul pelaksanaan ibadat khususnya haji dan umrah.
- (iv) Bagi golongan *mukhannas* yang ingin menuaikan haji hendaklah bertaubat kepada Allah SWT, mempelajari ilmu dan hukum syara', mentaati perintah Allah SWT, menjauhi maksiat dan bersahabat dengan golongan yang baik.

KERTAS KERJA KETUJUH

TAJUK : KURSUS HAJI : HAID DAN ISTIHADHAH – PENDEKATAN DAN KEFAHAMAN

- (i) Menurut pendapat yang asah, **kelembapan biasa** pada faraj yang keluar dan melekat pada *pantyliner* / seumpamanya adalah tidak najis
- (ii) Lendir yang keluar dari faraj adalah najis kerana ia keluar dari dalaman faraj (*batin al-farj*).
- (iii) Mengikut pendapat ulama' semasa, beristinja' dengan menggunakan tisu kertas kering adalah diharuskan.

**RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE 29 MUSIM HAJI 1434H
HOTEL HYATT REGENCY, KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR
20 – 23 RABIULAWWAL 1434H BERSAMAAN
01 - 04 FEBRUARI 2012**

KERTAS KERJA PERTAMA

TAJUK : PERMASALAHAN IBADAT HAJI PADA MUSIM HAJI 1433 HIJRAH

1 Pengecualian Bermabit

Pengecualian bermabit dengan alasan sakit yang memudaratkan hendaklah disahkan oleh pegawai perubatan dengan penuh bertanggungjawab.

2 Pakaian Ihram Lelaki

Dalam Mazhab Syafie, jemaah haji lelaki semasa dalam ihram **dilarang** memakai kain ihram bahagian atas (*rida'*) yang dijahit *zap on* (*velcro*) atau pin atau dibutangkan atau dizipkan. Begitu juga, kain ihram bahagian bawah (izar) dilarang menggunakan jahitan getah pada bahagian pinggang.

3 Sarung Lengan JH Wanita

Sarung lengan yang tidak dibenarkan dipakai oleh jemaah haji wanita semasa dalam ihram adalah yang disarungkan **keseluruhan tapak tangan dan anak jari**.

4 '*Sleeping Bag*'

'*Sleeping bag*' yang terdapat di pasaran sekarang adalah berbeza dengan istilah 'kis al-naum' berdasarkan ibarat yang digunakan oleh Syeikh Ba'alawi dalam Kitab Bughyah Al-Mustarsyidin. Sehubungan

itu, jemaah haji lelaki yang berada dalam ihram **dilarang** menggunakan 'sleeping bag'.

5 **Bacaan / Lafaz Niat Ihram**

Bacaan / lafaz niat ihram yang dibaca semasa kursus haji/umrah hanya sebagai pembelajaran dan latihan amali. Peserta kursus tidak dianggap telah berniat haji/umrah dan tidak terikat dengan larangan ihram.

6 **Kursus Ibadat Umrah Oleh Syarikat /Agenzi Pelancongan**

Syarikat / agensi Pelancongan yang menguruskan jemaah umrah hendaklah memberi perhatian yang sewajarnya terhadap hukum-hakam berkaitan umrah supaya jemaah umrah dapat melaksanakan umrah dengan sempurna sebelum kembali ke tanah air seperti mengadakan kursus ibadat umrah dan menyediakan pembimbing yang ditauliahkan oleh **TH** di Tanah Suci.

7 **Haji Anugerah**

Pihak berkuasa yang mencalonkan bakal haji dengan haji anugerah hendaklah membuat pencalonan lebih awal sekurang-kurangnya setahun sebelum bertolak ke Tanah Suci. Ini bagi memastikan persiapan ibadat dapat dibuat dengan sempurna.

KERTAS KERJA KEDUA

TAJUK : ZIARAH MADINAH - ADAB DAN KELEBIHAN

- 1 Jemaah haji dinasihatkan mengambil peluang untuk menziarahi Maqam Rasulullah S.A.W dan perkuburan para sahabat seperti Baqi', dan Uhud bagi menghayati perjuangan yang tersurat dan tersirat oleh Nabi S.A.W dan para sahabat. Ianya juga sebagai tanda terima kasih dan cinta kepada Baginda Rasulullah S.A.W dan para sahabat.

- 2 Pembimbing juga hendaklah memberi penjelasan konsep hijrah Rasulullah S.A W dan sejarah pembinaan Negara Islam Madinah serta Piagam Madinah semasa menyampaikan ceramah.
- 3 Kelebihan Solat 1,000 kali ganda di Madinah hanya tertakluk di dalam Masjid Nabawi sahaja berbeza gandaan pahala 100 ribu kali ganda di Makkah adalah keseluruhan Tanah Haram Makkah. Walau bagaimanapun, perlu diberi penekanan fadhilat menunaikan solat berjemaah di Masjidil Haram adalah lebih tinggi nilainya berbanding solat di dalam bangunan penginapan jemaah haji di Makkah. Ini kerana :
 - 3.1. bilangan jemaah yang ramai dapat meningkatkan kualiti solat.
 - 3.2. mendapat pahala iktikaf dan dapat menunaikan Solat Tahiyatul Masjid
 - 3.3. mendapat rahmat dengan melihat Baitullah dan tempat-tempat yang mustajab di Masjidil Haram.
 - 3.4. setiap langkah perjalanan ke Masjidil Haram adalah mendapat fadilat perjalanan; dan
 - 3.5. mengeratkan silaturrahim sesama jemaah/berta'aruf.

KERTAS KERJA KETIGA

TAJUK : FALSAFAH DAN TUNTUTAN MENURUT PERSPEKTIF PELBAGAI MAZHAB

- 1 Ulama' bersepakat Tawaf Wada' adalah disyariatkan dalam Islam. Muzakarah bersetuju untuk berpegang kepada pandangan Jumhur Ulama' termasuk Mazhab Syafi'e yang mewajibkan Tawaf Wada'.

- 2 Golongan yang dikecualikan daripada melaksanakan Tawaf Wada', ia tidak dikenakan dam dan tidak berdosa jika meninggalkan Tawaf Wada' iaitu dalam keadaan berikut :-.
- 2.1** perempuan yang kedadangan haid atau nifas;
 - 2.2** perempuan yang didatangi darah istihadah dalam tempoh haidnya;.
 - 2.3** orang luka yang mengeluarkan banyak darah dan boleh menajiskan masjid;
 - 2.4** orang yang tidak mendapat air atau tanah untuk mengangkat hadas besar;
 - 2.5** orang yang takut terancam nyawa, kehormatan diri atau harta bendanya;
 - 2.6** orang yang takut ditinggalkan kawan seperjalan. Contohnya, jemaah haji yang hanya mendapat maklumat pergerakan meninggalkan Kota Makkah di saat akhir dan tidak sempat melakukan Tawaf Wada' kerana bas akan bergerak segera. Kes ini hanya terpakai bagi yang tidak disengajakan.
 - 2.7** orang yang berpenyakit salasalbaul (air kencing yang sentiasa menitis) atau seumpamanya.
 - 2.8** orang yang dipaksa meninggalkan Tawaf (kes kecemasan/kes darurat/terdesak)
 - 2.9** orang yang takut kepada peminta hutang dalam keadaan dia benar-benar tidak berupaya membayar hutang;.
 - 2.10** orang yang terpaksa dipimpin atau diusung kerana uzur disebabkan sakit atau tua dan tidak mampu duduk di atas kerusi tolak;
 - 2.11** orang yang mendapat rawatan di pusat rawatan secara rapi dan

- berjadual, contohnya jemaah haji yang tidak waras (sekejap on dan off) dan perlukan penjagaan petugas perubatan secara berjadual; dan
- 2.12** petugas yang begitu kerap keluar masuk kota Makkah kerana memberi perkhidmatan kepada jemaah haji atau urusan haji, maka pendapat yang diguna pakai adalah gugur Tawaf Wada'nya. Contoh seperti petugas pos yang menguruskan penghantaran bagasi keluar Makkah pada setiap hari atau pemandu dan sebagainya.
- 3 Penggunaan hukum Tawaf Wada' sebagai wajib juga telah diguna pakai oleh jemaah haji negara serantau seperti Berunei, Singapura, Thailand dan Turki.

KERTAS KERJA KEEMPAT

TAJUK : PERMURNIAAN AQIDAH DALAM IBADAT HAJI DAN UMRAH

- 1 Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA) dan Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS) hendaklah memberi peringatan kepada jemaah haji terhadap kegiatan yang menyeleweng daripada ajaran ahli sunnah wal jamaah dan perkara-perkara khurafat seperti yang dibentangkan dalam kertas kerja pemurnian aqidah dalam ibadat haji dan umrah
- 2 Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci hendaklah sentiasa peka dan mengingatkan jemaah haji agar tidak terpengaruh dengan ajaran dan pegangan yang dibawa oleh kelompok/golongan yang menyeleweng semasa di Tanah Suci.
- 3 Sebarang perbuatan khurafat hendaklah dijauhi sebelum, semasa dan selepas melaksanakan ibadat haji dan umrah.

- 4 Jemaah haji hendaklah menjauhi amalan ibadat yang berbeza dengan apa yang diamalkan di Malaysia setelah pulang daripada Tanah Suci kerana boleh menimbulkan perpecahan ummah.
- 5 Penyebaran dan pengamalan fahaman dan aliran lain yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang sebagaimana yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.